

## **KERATAN AKHBAR**

**JUDUL : Nabalu News**

**TARIKH : Selasa, 12 Januari 2021**



# **NABALU NEWS**

## **PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DITUTUP SEPANJANG PKP**

**12 JAN 2021**

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ditutup kepada pengunjung mulai esok hingga 26 Jan depan.

Ketua Pengarah PNM Maizan Ismail berkata penutupan itu seiring pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah, bermula esok sehingga 26 Jan.

Bagaimanapun katanya orang awam masih boleh mendapatkan 52.9 juta bahan bacaan digital menerusi perkhidmatan u-Pustaka dengan melayari [www.upustaka.gov.my](http://www.upustaka.gov.my). "PNM memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi," katanya dalam kenyataan hari ini.

- Bernama